

Galak syarikat, institusi pengajian tinggi bina pakatan giat inovasi

SYARIKAT dan institusi pengajian tinggi (IHL) boleh bekerjasama dengan rakan luar negara bagi membentuk Pakatan Inovasi Sejagat (GIA) untuk menggiatkan inovasi.

Ini penting dalam sekitaran teknologi yang berubah pantas dan pertumbuhan pesat di Asia, menurut Laporan Jawatankuasa Ekonomi Masa Hadapan (CFE).

IHL dan syarikat boleh bekerjasama dengan rakan luar negara di pusat inovasi utama dan pasaran yang mempunyai permintaan tinggi.

Kolej Luar Negara (NOC) Universiti Nasional Singapura (NUS) sudah pun mempunyai rangkaian hubungan dengan Amerika Syarikat, Eropah dan China.

Ia memberikan pendedahan kepada pelajar terhadap inovasi dan keusahawanan di lokasi seperti Lembah Silikon dan Beijing dan ia membantu memupuk bakat keusahawanan dan firma baru di Singapura.

Seperti pengasas Carousell, Encik Marcus Tan, beliau menyertai program NOC NUS di Lembah Silikon pada 2009 semasa menjadi mahasiswa Sekolah Perniagaan Singapura.

Pengalaman di Lembah Silikon itu mendorong beliau membentuk aplikasi klasified bimbit, Carousell, bersama dua rakan sekolah NOC.

“Kita harus membangunkan lagi hubungan ini, melibatkan lebih banyak IHL dan meluaskan rangkaian di negara serantau agar dapat mendedahkan pelajar kita dengan peluang di Asia,” kata laporan itu.

Rakan dalam pasaran boleh menyertai GIA bagi membentuk inkubator inovasi yang membolehkan firma baru Singapura dan asing bekerjasama untuk memanfaatkan kepakaran IHL.

GIA juga boleh menjadi pusat menyambut tamu (welcome centre) atau pusat tumpuan bagi syarikat Singapura dan institusi dapat bekerjasama dengan rakan luar negara.

Sebagai contoh, Block71 San Francisco dibentuk di Amerika bagi firma teknologi Singapura menembusi pasaran Amerika Syarikat dan ia juga menjadi ‘gerbang’ bagi firma Lembah Silikon menembusi pasaran Asia Tenggara.

Block71 San Francisco, hasil usaha sama Infocomm Investments, NUS Enterprise dan Singtel Innov8, telah menyokong lebih 50 firma baru seperti Sybo Tech Singapore yang mencipta robot ‘haiwan peliharaan’, Pebby.



FIRMA STARTUP: Pengasas bersama Sybo Tech Singapore, Encik Hansen Goh (*kiri*) and Encik Maksim Kolin, di Block 71 San Francisco. Firma itu telah menghasilkan robot haiwan peliharaan yang diberi nama Pebby. – Foto fail